



KENYATAAN MEDIA

OLEH
YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

TAKWIM DEWAN RAKYAT BAGI PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-14

Sukacita dimaklumkan bahawa saya telah menerima pemakluman daripada YAB Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Haji Md Yasin selaku Ketua Majlis bahawa selaras dengan Peraturan 11(2), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat yang memutuskan **Takwim Dewan Rakyat Bagi Penggal Keempat, Parlimen Ke-14 Tahun 2021** ialah seperti berikut :-

Dewan Rakyat

- i. **Mesyuarat Pertama** (mulai **6 September hingga 30 September 2021** – 15 hari); dan
- ii. **Mesyuarat Kedua** (mulai **25 Oktober hingga 16 Disember 2021**– 32 hari).

Dengan pemakluman ini, **Istiadat Pembukaan Mesyuarat Penggal Keempat, Parlimen Ke-14** akan disempurnakan oleh **KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong** pada **6 September 2021 (Isnin)**, jam 10.00 pagi bertempat di Bangunan Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.

DATUK AZHAR AZIZAN HARUN
Yang di-Pertua Dewan Rakyat

15 Julai 2021
Parlimen Malaysia
KUALA LUMPUR